



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI BANJIR DAN PENJAGAAN KESIHATAN SEMASA MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2023/2024

29 DISEMBER 2023

Kejadian hujan lebat berterusan yang berlaku semenjak 23 Disember 2023 hingga 25 Disember 2023 telah menyebabkan banjir di tujuh (7) negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, dan Sabah. Namun, banjir di tiga (3) buah negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan dan Sabah telah pulih sepenuhnya.

Bilangan PPS juga telah berkurangan dari 214 kepada 103 di antara 23 Disember hingga kini. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menggerakkan 66 pasukan perubatan, 67 pasukan kesihatan, dan 99 pasukan *Mental Health Psychosocial Support* (MHPSS) ke negeri-negeri terjejas banjir bagi memberi perkhidmatan kesihatan dan sokongan psikososial kepada 22,835 mangsa banjir di kesemua 103 PPS.

Melalui aktiviti kawalan dan pencegahan penyakit yang dijalankan setiap hari di 103 PPS, pihak KKM telah mengesan 183 kes jangkitan kulit, 125 kes *Acute Respiratory Infection* (ARI), tujuh (7) kes

konjunktivitis, dan tiga (3) kes *Acute Gastroenteritis* (AGE). Semua kes adalah stabil dan telah diberi rawatan pesakit luar di PPS terbabit. Tiada kes kesihatan mental dirujuk kepada kaunselor atau Pakar Perubatan dilaporkan.

Terdapat satu (1) kejadian wabak konjunktivitis dilaporkan pada 26 Disember 2023 di PPS Sekolah Kebangsaan Gual Tinggi, Pasir Mas, Kelantan melibatkan lima (5) kes daripada 15 orang yang terdedah. Kesemua kes telah diberi rawatan, pendidikan kesihatan dan diisolasi di PPS berkenaan oleh pasukan perubatan.

Sehingga hari ini, terdapat 14 kes baru COVID-19 dikesan dalam kalangan mangsa banjir di PPS di Kelantan (9 kes) dan Terengganu (5 kes) melalui saringan bergejala. Kes-kes COVID-19 adalah sporadik dan majoriti mempunyai gejala ringan dan dirawat di PPS atau di rumah (12 kes), manakala dua (2) kes memerlukan rawatan di hospital.

Pihak KKM juga ingin memaklumkan bahawa, sebanyak 51 fasiliti kesihatan terjejas banjir di tiga (3) negeri iaitu Kelantan (23), Terengganu (11), dan Pahang (17). Sebanyak 34 fasiliti kesihatan masih beroperasi seperti biasa, manakala, 16 fasiliti kesihatan telah berpindah operasi ke fasiliti alternatif, dan satu (1) fasiliti kesihatan tidak dapat beroperasi kerana terputus hubungan. Orang ramai masih boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan di fasiliti kesihatan termasuk fasiliti alternatif seperti biasa.

KKM menasihati orang ramai agar sentiasa peka dan mengambil serius arahan pihak berkuasa dan mengambil langkah-langkah penjagaan

kesihatan sendiri seperti berikut bagi mencegah penularan penyakit berjangkit, kemalangan dan kecederaan:

- a. Mencuci tangan serta mengamalkan etika batuk dan bersin yang betul. Pemakaian pelitup muka amat digalakkan kepada mangsa bergejala yang berada di PPS;
- b. Memaklumkan pihak berkuasa jika mangsa disahkan positif COVID-19, supaya pengasingan dapat dilakukan segera dan dikehendaki memakai pelitup muka;
- c. Membalut luka atau masalah kulit dan menggunakan alat pelindung diri seperti but getah yang sesuai jika terpaksa meredah air banjir bagi mengelakkan risiko jangkitan kuman penyakit leptospirosis dan melioidosis yang boleh ditularkan melalui air banjir yang tercemar;
- d. Memastikan air minuman adalah selamat atau telah dimasak dan makanan yang diambil adalah bersih dan telah dimasak dengan sempurna bagi mengelakkan kejadian penyakit bawaan air dan makanan seperti AGE, keracunan makanan, Kolera, Tifoid, dan Hepatitis A;
- e. Mengelakkan memakan makanan yang tercemar dengan air banjir atau sekiranya terdapat perubahan rasa, bau atau tekstur;
- f. Memastikan amalan pengendalian makanan yang baik dan selamat setiap masa seperti:

- i. Membasuh tangan dengan sabun dan air yang bersih sebelum menyediakan makanan, sebelum makan, selepas ke tandas, selepas membuat aktiviti pembersihan, dan selepas menyentuh barang-barang yang dicemari oleh air banjir atau kumbahan (*sewage*);
 - ii. Mengelakkan menyimpan makanan yang telah disediakan melebihi empat (4) jam bagi mengurangkan risiko kejadian keracunan makanan. Sebaiknya, makanan hendaklah dimakan segera selepas disediakan;
 - iii. Sekiranya bekalan elektrik terputus, pastikan bekalan makanan yang disimpan di dalam peti sejuk tidak rosak sebelum dimasak;
- g. Memastikan kanak-kanak tidak bermain air banjir untuk mengelakkan kejadian lemas dan kecederaan. Segera dapatkan bantuan daripada pasukan penyelamat sekiranya terdapat mangsa banjir yang dikhuatiri lemas atau hilang;
- h. Berwaspada dengan risiko renjatan elektrik sekiranya rumah dinaiki air. Elakkan penggunaan soket elektrik yang terdedah kepada air banjir sebelum ianya dipastikan selamat;
- i. Mengamalkan sikap bertoleransi, saling bantu-membantu, dan hormat-menghormati semasa tinggal di PPS. Ini amatlah penting bagi semua penghuni untuk mengelakkan ketegangan atau tekanan emosi dalam kalangan penghuni;

- j. Golongan berisiko termasuk pesakit kronik, pesakit hemodialisis dan ibu mengandung perlu meneruskan rawatan dan sentiasa mengawasi kesihatan sendiri serta memaklumkan pasukan perubatan dengan segera sekiranya tidak sihat atau terputus bekalan ubat akibat banjir; dan
- k. Mendapatkan rawatan segera dari pasukan perubatan di PPS atau fasiliti kesihatan yang berhampiran jika mengalami sebarang gejala seperti demam, sakit perut, muntah, cirit-birit, batuk dan sebagainya serta kecederaan.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian banjir di negeri-negeri yang terlibat dan memastikan langkah pencegahan dan kawalan penyakit sewajarnya, serta perkhidmatan kesihatan dilaksanakan secara berterusan.

DATUK SERI DR. DZULKEFLY AHMAD
MENTERI KESIHATAN
29 DISEMBER 2023